

# SAREKAT ISLAM, PARTAI KOMUNIS INDONESIA DAN PARTAI NASIONAL INDONESIA

## Sarekat Islam

### Latar Belakang

1. Pada tahun 1905, Sarekat Pedagang Batik Arab Indonesia ditubuhkan di bawah pimpinan Raden Mas Tiroadisurdjo.
2. Pada tahun 1911, pertubuhan ini dikenali sebagai Sarekat Dagangan Islamiyah di bawah pimpinan Haji Samanhudi.
3. Pada tahun 1912, pertubuhan ini ditukarkan menjadi Sarekat Islam di bawah pimpinan Omar Said Tjokroaminoto.
4. Pada tahun 1923, pertubuhan ini dikenali sebagai Partai Sarekat Islam di bawah pimpinan Haji Agoes Salim.



### Perkembangan Sarekat Islam

1. Kemunculan Sarekat Islam pada tahun 1912 di bawah pimpinan Omar Said Tjokroaminoto menandakan bermulanya gerakan politik untuk menuntut kemerdekaan daripada pihak penjajahan Belanda.
2. Omar Said Tjokroaminoto mendaftarkan Sarekat Islam sebagai sebuah pertubuhan yang bergerak dalam bidang politik dan agama, selain ekonomi di seluruh Indonesia.
3. Pendaftaran Sarekat Islam menetapkan tujuan untuk memperjuangkan ekonomi umat Islam, mengembangkan pendidikan Islam, menyatukan pendapat orang Islam dan membentuk kehidupan berdasarkan agama Islam.
4. Dengan tujuan baharu ini, pertubuhan ini berubah daripada sebuah badan ekonomi, berkembang menjadi badan agama dan politik Islam.
5. Sarekat Islam mendapat sokongan kuat daripada golongan reformis Islam yang terpengaruh dengan gerakan pembaharuan Islam di Timur Tengah.
6. Kelantangan Sarekat Islam dalam memperjuangkan kemerdekaan dan membela nasib penduduk peribumi menarik sokongan ramai.
7. Cawangan Sarekat Islam ditubuhkan di hampir semua kawasan di Indonesia.
8. Sehingga awal tahun 1920-an, Sarekat Islam muncul sebagai kuasa politik yang dominan di Indonesia.
9. Perkembangan pesat Sarekat Islam menarik sokongan bukan sahaja dalam kalangan yang berminat dengan perjuangan Islam, tetapi berlaku penyusupan golongan kiri, khususnya komunis ke dalam cawangannya.
10. Golongan komunis mahu menguasai Sarekat Islam yang ketika itu muncul sebagai pertubuhan politik berpengaruh.
11. Mereka menggunakan Sarekat Islam melancarkan siri pemogokan dan pemberontakan di Jawa dan Sumatera.
12. Selain golongan kiri, terdapat juga sebilangan golongan sekular yang turut berjuang dalam Sarekat Islam.

13. Sementara itu, dalam kalangan golongan agama pula, berlaku perpecahan antara golongan reformis dengan golongan ortodoks.
14. Kemunculan pelbagai golongan dengan pelbagai aliran perjuangan menyebabkan Sarekat Islam mengalami pergolakan dan akhirnya melemahkan organisasi politik tersebut.
15. Pada tahun 1921, Sarekat Islam berpecah kepada dua, iaitu Sarekat Islam Putih dan Sarekat Islam Merah berikutan pergeseran ideologi dalam kalangan pemimpin Sarekat Islam.
16. Golongan komunis keluar daripada Sarekat Islam dan menubuhkan Partai Komunis Indonesia pada tahun 1921.
17. Pada tahun 1923, pemimpin utama Sarekat Islam, Agus Salim membersihkan Sarekat Islam daripada pengaruh komunis dan mengukuhkan perjuangan Sarekat Islam berdasarkan prinsip memperjuangkan kemerdekaan Indonesia dengan berlandaskan perlembagaan yang berasaskan undang-undang Islam.
18. Setelah berjaya menyingkirkan pengaruh golongan komunis dan sekular yang lain, Sarekat Islam mengalami krisis antara golongan reformis dengan ortodoks. Keadaan ini menyebabkan ramai ahli dan pemimpin Sarekat Islam keluar parti dan menyertai Persatuan Muhammadiyah dan Nahdatul Ulama. Kedua-dua persatuan ini tidak begitu cenderung kepada perjuangan politik, sebaliknya memberikan tumpuan kepada perjuangan meningkatkan kedudukan sosial masyarakat Islam di Indonesia.
19. Mulai pertengahan tahun 1920-an, peranan dan pengaruh politik Sarekat Islam merosot. Hal ini menyebabkan kedudukan golongan agama dalam gerakan nasionalisme di Indonesia semakin terpinggir, terutama apabila tertubuhnya Partai Nasional Indonesia pada tahun 1927 pimpinan Soekarno.

## Partai Komunis Indonesia

1. Pergerakan komunis mula dikesan di Indonesia sejak pada tahun 1914 dengan pengasasan Indies Social Democratic Association (Indische Social Democratische Vereeniging/ISDV)
2. ISDV merupakan pertubuhan sosialisme yang pertama ditubuhkan di Asia Tenggara pada tahun 1914.
3. ISDV ditubuhkan di Semarang (Surabaya) dan diasaskan oleh Henk atau Hendricus Sneevliet, seorang Belanda yang berpegang pada fahaman sosialisme.
4. Pada 23 Mei 1920, ISDV berkembang menjadi Partai Komunis Indonesia (PKI). Sehingga tahun 1921, anggota ISDV dibenarkan menyertai Sarekat Islam untuk menghadapi persaingan dengan para pedagang Cina di Indonesia.
5. Sneevliet mendapati ISDV sukar mendapatkan sokongan ramai di Jawa kerana pertubuhan ini merupakan sebuah pertubuhan Eropah. Dengan itu, Sneevliet membuat hubungan dengan Sarekat Islam.
6. Beliau berjaya mempengaruhi pemimpin Sarekat Islam cawangan Semarang seperti Semaun dan Darsono.
7. Anggota ISDV menggunakan kemudahan yang diberi oleh Sarekat Islam dalam menyebarkan fahaman komunis.



8. Golongan komunis berusaha menguasai cawangan Sarekat Islam. Walau bagaimanapun, pada tahun 1920-an, anggota Sarekat Islam yang lebih sederhana dan konservatif sedar tentang penyerapan unsur komunis dalam sebahagian anggota dan cawangannya, terutama cawangan di Semarang.
9. Perkembangan ini menyebabkan berlaku persaingan dalam kepimpinan antara pemimpin pusat Sarekat Islam dengan kumpulan yang menyokong komunis di bawah Semaun.
10. Pada Oktober 1921, dalam Kongres Keenam Sarekat Islam, Hadji Agus Salim dan Abdul Muis telah mengharamkan anggota Sarekat Islam daripada menjadi anggota parti lain pada masa yang sama. Langkah ini bertujuan menyekat Semaun dan kumpulannya terus berkembang di Indonesia.
11. Dengan itu, kumpulan Semaun berusaha mengubah pertubuhan bercorak sosial-demokratik kepada sebuah pertubuhan komunis.
12. Kemunculan PKI pada Mei 1920 menguatkan lagi perkembangan komunisme dalam politik Indonesia.
13. Pendirian PKI yang antikolonial dan antikapitalis membantu PKI menyusup dalam semangat kebangsaan di Indonesia.
14. Pada tahun 1923, akibat tekanan daripada kerajaan Belanda telah menyebabkan beberapa pemimpin penting PKI meninggalkan Indonesia, termasuk Tan Malaka. Dengan itu, kepimpinan PKI mula berpindah kepada golongan pelampau seperti Darsono.
15. Pada 25 Disember 1925, PKI melakukan pemberontakan terhadap pemerintahan Belanda. Namun begitu, pemberontakan ini berjaya ditumpaskan oleh Belanda. Kesannya, pihak Belanda telah menjalankan penangkapan besar-besaran, penahanan dan pengusiran ke luar negara pemimpin komunis.
16. Dengan itu, pergerakan PKI terpaksa berpindah ke bawah tanah sehingga Perang Dunia Kedua. Kemunculan PKI sebagai sebuah pertubuhan rasmi juga dimansuhkan.
17. Sekitar tahun 1926, komunis Indonesia di bawah PKI bangkit untuk menentang dan menamatkan pemerintahan Belanda di Jawa dan Sumatera, tetapi tidak berjaya.
18. Ekoran daripada itu, semakin ramai ahli komunis Indonesia melarikan diri ke Singapura dan negeri-negeri Melayu. Antaranya termasuk Alimin dan Moeso, diikuti oleh Tan Malaka, Hasanoesi, Boedisoejito, Sutan Perpateh, Winanta, Soebakat dan Jamaluddin Tamin.
19. Walau bagaimanapun, usaha memperluas pengaruh komunis di Tanah Melayu yang dijalankan oleh pemimpin komunis Indonesia tidaklah mendapat sambutan dalam kalangan orang Melayu.

## Partai Nasional Indonesia

### Latar Belakang Penubuhan

1. Pada tahun 1922, sekumpulan pelajar Indonesia di Belanda menubuhkan Perhimpunan Indonesia dan berjuang ke arah kemerdekaan.
2. Perhimpunan Indonesia ini menggabungkan usaha yang dijalankan oleh golongan masyarakat Indonesia dan bertegas tidak akan bekerjasama dengan kerajaan Belanda.



3. Perhimpunan Indonesia ini berjaya mendapat sokongan masyarakat kerana memperjuangkan kemerdekaan. Antara tahun 1923 hingga tahun 1927, ahli Perhimpunan Indonesia yang pulang ke Indonesia menubuhkan kelab pelajar di beberapa buah bandar.
4. Kelab tersebut ditubuhkan sebagai pusat perbincangan dan idea perjuangan Perhimpunan Indonesia. Kelab yang paling aktif ialah Kelab Pelajar Bandung. Dengan demikian, Soekarno telah mengambil inisiatif menubuhkan Perserikatan Nasional Indonesia pada 4 Jun 1927.
5. Perserikatan Nasional Indonesia kemudian menukar namanya kepada Partai Nasional Indonesia (PNI). PNI dipimpin oleh Soekarno sebagai pemimpin utama dan dibantu oleh pemimpin lain seperti Ir. Anwari, Iskaq Tjokrohadisoerjo, Sunarjo, Dr. Tjipto Mangunkusumo dan Ali Sastroamidjojo.

## Matlamat Penubuhan PNI

1. Menuntut kemerdekaan mutlak.
2. Menyatukan rakyat Indonesia melalui gabungan parti politik Indonesia.
3. Membentuk kerajaan demokrasi berparlimen yang bertanggungjawab kepada semua rakyat.
4. Memartabatkan penggunaan bahasa Indonesia sebagai bahasa rasmi.

## Perjuangan PNI

PNI berjuang secara radikal untuk mencapai matlamat membebaskan Indonesia daripada penjajahan Belanda. Antara usaha PNI termasuklah:

- Mengamalkan dasar tidak bekerjasama dengan Belanda.
- Menyebarkan idea nasionalis melalui penerbitan surat khabar Banteng Priangan di Bandung dan Persatuan Indonesia di Jakarta.

Perjuangan PNI ditegaskan semasa berlangsungnya Kongres Pemuda yang mengeluarkan ikrar “Sumpah Pemuda”. Ikrar ini menekankan tiga perkara, iaitu “Semua rakyat Indonesia adalah sebangsa, sebahasa dan senegara”.

Kebijaksanaan Soekarno dalam usaha menyatukan rakyat Indonesia, membolehkan PNI mendapat sokongan ramai. PNI berusaha menggabungkan parti politik yang sedia ada seperti Kelab Pelajar Surabaya, Budi Utomo, Pasundan, Ikatan Sumatera, Sarekat Islam dan Kaum Betawi dalam satu gabungan yang besar, iaitu Permuafakatan Perhimpunan Politik Kebangsaan Indonesia (PPPKI). Melalui PPPKI, PNI telah berusaha membentuk perpaduan kebangsaan.